

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institute For Advanced And Smart Digital Opportunities (IASDO)
Sent: Sunday, 6 August, 2017 4:29 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: RTD BINCANG PELUANG KOLABORASI BERSAMA MSD DIGITAL INTELLIGENCE SDN BHD



**Institute for Advanced and
Smart Digital Opportunities**
Universiti Utara Malaysia

AHAD, 6 OGOS 2017 / 13 ZULKAEDAH 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum wbt & Salam Sejahtera
YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Dr./Tuan/Puan

RTD BINCANG PELUANG KOLABORASI BERSAMA MSD DIGITAL INTELLIGENCE SDN BHD



Institute of Advanced and Smart Digital Opportunities (IASDO), Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC) UUM telah berjaya menganjurkan Round Table Discussion (RTD) on Smart Society Transformation pada 1 Ogos 2017 yang lalu. Program ini diadakan bersama MSD Digital Intelligence Sdn Bhd (MSD DI) yang disertai oleh 37 orang termasuk felo penyelidik IASDO serta delegasi dari MSD DI yang merupakan sebuah syarikat terlibat dalam aktiviti yang meliputi pengurusan akses digital komuniti ke kejuruteraan rangkaian maklumat.

Pengarah IASDO, Prof. Madya Dr. Azizah Bt Haji Ahmad berkata RTD tersebut dapat meningkatkan kolaborasi dan perkongsian sumber serta pengalaman di antara penyelidik UUM dan pihak dari industri.

Katanya, perbincangan itu menjadi platform bagi SOC UUM dan pihak MSD DI untuk membincangkan kolaborasi yang akan dijalankan khususnya dalam bidang Internet of Things (IoT) dan Big Data Analytics yang memberi tumpuan kepada bidang Alam Sekitar (Environment), Pertanian (Agriculture), dan Telekomunikasi (Telecommunication) bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang pembangunan penyelidikan dan inovasi. Program diteruskan dengan sesi perbincangan dalam kumpulan dan pembentangan mengikut bidang yang dibincangkan.

Hasil perbincangan yang telah diadakan mendatangkan pelbagai idea penyelidikan yang berpotensi untuk dilaksanakan dan dikomersilkan. Pihak MSD Digital Intelligence Sdn Bhd menyatakan bahawa pihak mereka sangat berminat untuk menjalankan kolaborasi bersama SOC UUM serta berminat untuk membuka pusat penyelidikan dan pembangunan mereka di UUM. Sesi istimewa turut diselitkan dalam RTD ini apabila kesemua tetamu yang hadir dijemput untuk ke dusun durian salah seorang felo bagi menikmati keenakan buah durian kampung.

Sekian.

=====

Institute For Advanced And Smart Digital Opportunities (IASDO)
School of Computing
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman
Tel No: 04-928 5076/5075



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.